

## TINJAUAN PELAKSANAAN PENGURUSAN PENDIDIKAN AGAMA ISLAM DI SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA DAERAH KOTA SETAR

[1] Mohamad Khairi Haji Othman  
[2] Mohd Nazer Ishak

### ABSTRACT

This study aims to observe the Islamic Education (PAI) Implementation in Chinese vernacular schools (SRJK) under the administration of Kota Setar District Education Office (PPDKS). The purpose of this study is to identify the role played by the school administration in terms of infrastructure and facilities; the role played by the District Education Office (PPD) and schools under intensive supervision (SPi) sector of the State Education Department (JPN) on the implementation of PAI in these Chinese vernacular schools. The study was conducted at 23 Chinese Vernacular schools whereby 75 teachers teaching PAI were selected as respondents. The data was analyzed descriptively by using frequency and percentage. Study findings showed that school administrations are managing the PAI implementation well. However, in the aspect of PAI achievement being discussed in the staff meeting, nearly half of the respondents claimed that PAI achievement is not being tabled in their staff meetings nor mentioned by the school administration. It is the same in the aspect of infrastructure and facilities; and learning materials, 50% of the respondents disagreed that special room for prayers or musolla and wudhu or ablution area are provided. Meanwhile in terms of monitoring and supervision by the PPDKS and SPi of JPN, it was found to be satisfactory but need to be improved in the aspect of visitations to schools. This study gives the implication that the role of schools' administration, PPD, JPN and support from teachers, staff and parents are vital in increasing the academic achievement and development of students' akhlaq.

**Keywords:** *implementation, administration, Islamic Education, SJKC*

[1] Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia  
m\_khairi@uum.edu.my

[2] Pejabat Pendidikan Daerah Kota Setar, Alor Setar, Kedah, Malaysia  
mohdnazer.ppdkotasetar@gmail.com

## PENGENALAN

Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras yang wajib disampaikan kepada murid-murid beragama Islam di semua sekolah rendah termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Dengan tekad untuk menjadi Negara yang berada dalam kelompok 1/3 terbaik dunia, maka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dirangka dengan penuh teliti untuk menjayakan transformasi pendidikan di era sains dan teknologi. Guru harus bertindak selaku agen kerajaan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah untuk memastikan semua murid mendapat pendidikan yang sama dan adil (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan dan pentadbir sekolah perlu lebih proaktif dan inovatif, pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Islam di sekolah perlu dimantapkan agar murid-murid bukan sahaja berpengetahuan, tetapi dapat mengkaji dan memahami dengan mendalam seterusnya merealisasikannya dalam kehidupan sosialisasi sesama pelajar, guru, ibu bapa dan masyarakat umumnya. Ini adalah kerana pengurusan melibatkan tugas membuat keputusan secara individu dan secara usahasama. Pengurusan yang berkesan akan menggalakkan penyertaan (Blandford, 1999).

Antara aspek yang sangat penting dalam pembangunan sekolah ialah pengurusan. Pengurusan yang baik di peringkat sekolah akan memastikan sistem pendidikan mencapai matlamat yang dicita-citakan. Ini melibatkan pelaksanaan beberapa usaha secara terancang, melibatkan kerjasama berterusan sekelompok manusia yang berusaha yang menyediakan persekitaran yang kondusif, dengan menghimpunkan sumber fizikal dan sumber tenaga manusia diarahkan kepada pencapaian objektif pendidikan secara berkesan (Ahmad Kilani, 2003). Begitu juga dengan Falsafah Pendidikan Islam yang meletakkan matlamat untuk melahirkan murid yang mampu berdaya saing, seterusnya mencapai hasrat melahirkan murid yang berakhlak tinggi dan berjaya dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Namun, usaha ini akan menjadi sia-sia atau membuang masa, khususnya bagi pelajar-pelajar Islam di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), jika mereka ini kurang diberi perhatian atau tidak diberi tumpuan oleh pihak pentadbiran atau pengurusan sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Jika dilihat mereka ini seharusnya mendapat keselesaan atau perhatian yang sama dengan murid-murid di Sekolah Kebangsaan (SK). Mereka juga harus mendapat kelas yang selesa, bangunan yang sempurna, pembelajaran quran dan tajwid mengikut waktu yang sama dengan rakan sebaya mereka di Sekolah Kebangsaan.

Berikutan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), melalui Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) atau melalui Sektor Pendidikan Islam (SPI) harus menyelesaikan masalah ini. Pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam yang terdiri daripada mata pelajaran Tilawah Al-Quran, Aqidah, Ibadah, Akhlak, Sirah, mata pelajaran Jawi, kelas fardhu ain dan dalam kurikulum terkini ialah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah digubal dan sentiasa dikemaskini untuk penambahbaikan dengan galakan penggunaan teknologi maklumat. Oleh itu, guru-guru Pendidikan Islam di SJKC harus sentiasa dipantau dan diberi motivasi agar sentiasa segar menghadapi situasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang semakin mencabar. Mereka juga mesti dibantu dan diberi perhatian untuk mengetahui situasi dan masalah sebenar ketika mengurus dan melaksanakan proses PdP di sekolah. Dengan ini, prestasi pencapaian murid-murid Islam khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa selari dengan pencapaian murid-murid Islam di Sekolah Kebangsaan.

## PENYATAAN MASALAH

Dalam konteks pelaksanaan Pendidikan Agama Islam di SJKC dari segi aspek pencapaian prestasi Pendidikan Agama Islam agak merosot. Ini jelas berdasarkan data; didapati masih ada sekolah yang hanya mampu mencecah 50% sahaja markah lulus keseluruhan. Pencapaian ini belum dilihat pada pencapaian mata pelajaran Jawi dan Tilawah Al-Quran. Hasil pemantauan, didapati hanya 30% daripada 300 jumlah murid beragama Islam di SJKC lulus dalam mata pelajaran Jawi. Manakala peratus murid yang boleh menguasai bacaan al-Quran secara tartil hanya mencecah 50% sahaja. Sedangkan hampir 95% daripada 30 buah sekolah SJKC di daerah Kota Setar mempunyai guru agama tetap di setiap sekolah berkenaan (Sumber unit akademik, PPDKS, 2014).

Terdapat beberapa permasalahan yang perlu diberi perhatian khususnya dari pihak atasan seperti Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan Jemaah Nazir. Jabatan ini perlu memainkan peranan lebih proaktif terhadap pemantauan dan pelaksanaan dasar kerajaan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Berdasarkan isu dan permasalahan yang dikemukakan, pengkaji berpendapat satu kajian perlu dibuat untuk melihat pelaksanaan Pendidikan Agama Islam di lokasi dan beberapa aspek yang mungkin menjadi penyebab kepada kelunturan motivasi guru seterusnya membawa kepada implikasi kelembapan pencapaian prestasi mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC. Antara aspek-aspek yang perlu ditinjau adalah beberapa faktor yang berhubung dengan kesempurnaan infrastruktur sekolah atau kelas, keprihatinan pihak pentadbiran sekolah, pemantauan pihak berwajib seperti pegawai PPD dan pegawai Jabatan Pendidikan Negeri Kedah (JPNK) dan pelaksanaan perisian semasa PdP kerana penggunaan perisian secara berkesan akan meningkatkan minat serta pencapaian murid dalam pembelajaran. Persoalannya, adakah faktor kemanusiaan yang menjadi punca kelembapan pelaksanaan Pendidikan Islam di sekolah berkenaan? Atau adakah faktor infrastruktur dan kelengkapan bilik darjah? Atau mungkin faktor material murid dan ibu bapa?

### OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti:

1. Persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengurusan dan pentadbir Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Daerah Kota Setar.
2. Persepsi guru Pendidikan Islam terhadap kemudahan prasarana infrastruktur Pendidikan Islam.
3. Persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengurusan tertinggi di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jemaah Nazir dan Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah berkaitan pelaksanaan pendidikan Agama Islam di SJKC.

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan dengan menggunakan kaedah kuantitatif dalam pengumpulan data yang diperolehi daripada guru-guru Pendidikan Islam yang sedang mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sekitar daerah Kota Setar.

Responden kajian ini dipilih dari 23 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di bawah pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah Kota Setar (PPDKS), Kedah Darul Aman. Daripada 23 buah SJKC ini, 9 buah sekolah merupakan sekolah gred A dan 14 buah sekolah lagi gred B. Kumpulan sasaran adalah guru-guru beragama Islam yang mengajar Pendidikan Islam di sekolah terbabit.

Kajian ini membabitkan guru-guru Pendidikan Agama Islam di SJKC, yang mengajar secara tetap atau sebagai guru beredar di sekolah berkenaan. Malah sekolah telah dibekalkan dengan sekurang-kurangnya seorang guru agama tetap di sekolah berkenaan. Seramai 75 orang ustaz dan ustazah di tempatkan di sekolah-sekolah tersebut. Mereka ini telah mengisi borang soal selidik dan memberi maklum balas berdasarkan instrumen yang disediakan oleh penyelidik. Subjek terdiri dari pelbagai gred jawatan guru, lulusan dalam dan luar negara, umur dan pengalaman mengajar.

Instrumen kajian adalah sepenuhnya berdasarkan soal selidik yang dibina berdasarkan beberapa tinjauan kajian lepas yang melibatkan aspek pentadbiran dan pengurusan di SJKC, infrastruktur dan bahan, sokongan staf dan guru-guru lain yang bukan beragama Islam, sokongan serta perhatian ibu bapa terhadap mata pelajaran ini di sekolah dan aspek pengurusan atasan dari JPJK, Jemaah Nazir dan PPD.

Semua item soal selidik dianalisa dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS)* secara deskriptif dengan statistik yang digunakan ialah kekerapan dan peratusan.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

*Persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengurusan dan pentadbir Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Daerah Kota Setar*

Merujuk Jadual 1, didapati pihak pengurusan dan pentadbir sekolah begitu prihatin dan bertanggungjawab terhadap subjek serta guru-guru Pendidikan Islam dengan mod maklum balas responden mencecah 60% dan ke atas. Item 1 mengenai perhatian terhadap kelas mencecah 68%. Begitu juga dengan item 2 dan item 3 yang berkaitan dengan jadual waktu serta perhatian terhadap Masa Instrukional Guru Pendidikan Islam, masing-masing mencapai 60% dan 69%. Namun begitu, terdapat 4 orang responden (5%) tidak bersetuju terhadap item 1, yang menyatakan pentadbir sekolah sentiasa memberi perhatian terhadap kelas Pendidikan Islam. Begitu juga dengan item 2, 3 responden (4%) sangat tidak setuju terhadap pengurusan yang menyediakan jadual waktu mengajar yang dianggap tidak adil dan sesuai untuk subjek Pendidikan Islam. Bagi item 5 dan item 6 yang berkaitan 'post mortem' atau 'dialog prestasi' perhatian pentadbir agak sederhana dengan pencapaian hanya 40% dan 45% sahaja yang setuju. Sangat setuju pula hanya 12% dan 7%.

Jadual 1

*Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Pengurusan dan Pentadbir SJKC di Daerah Kota Setar*

BIL.	SOALAN	STS	TS	KS	S	SS	JUM
A1	Pentadbir sekolah sentiasa memberi perhatian terhadap kelas Pendidikan Islam	0 (0%)	4 (5.3%)	9 (12%)	51 (68%)	11 (15%)	75 (100%)
A2	Jadual yang diberi sangat adil dan sesuai	3 (4%)	0 (0%)	9 (12%)	45 (60%)	18 (24%)	75 (100%)
A3	Mengurangi Masa Instrukional (MMI) guru Pendidikan Islam sentiasa diberi perhatian	0 (0%)	0 (0%)	17 (23%)	52 (69%)	6 (8%)	75 (100%)
A4	Kontrak Latihan murid dalam subjek Pendidikan Islam sentiasa disemak dan disahkan oleh pentadbir sekolah	0 (0%)	3 (4%)	6 (8%)	57 (76%)	9 (12%)	75 (100%)
A5	'Post Mortem' Pencapaian PAI turut dibincangkan dalam mesyuarat peningkatan akademik	6 (8%)	3 (4%)	27 (36%)	30 (40%)	9 (12%)	75 (100%)
A6	'Dialog Prestasi' murid sentiasa dibawa berbincang dalam mesyuarat guru / panitia.	5 (6.7%)	6 (8%)	25 (33%)	34 (45%)	5 (6.7%)	75 (100%)
A7	Tidak pernah lupa untuk menyediakan /melulus Anggaran Belanja Mengurus (ABM) berkenaan PAI	3 (4%)	3 (4%)	12 (16%)	51 (68%)	6 (8%)	75 (100%)
A8	Mengambil berat tentang buku teks atau buku kerja atau buku latihan	0 (0%)	2 (2.7%)	10 (13%)	54 (72%)	9 (12%)	75 (100%)
A9	Memberi kerjasama penuh dalam PdP, memantau atau memberi perhatian ketika ketiadaan guru	1 (1.3%)	4 (5.3%)	11 (15%)	47 (63%)	12 (16%)	75 (100%)
A10	Sentiasa menyemak dan menandatangani buku rekod pengajaran guru setiap minggu	2 (2.7%)	0 (0%)	4 (5.3%)	51 (68%)	18 (24%)	75 (100%)
A11	Menilai prestasi dengan jujur, adil dan menepati piawaian penilaian prestasi semasa.	6 (80%)	1 (1.3%)	5 (6.7%)	51 (68%)	12 (16%)	75 (100%)

Dalam pada itu, soalan berkaitan dengan kontrak latihan, buku kerja dan pemantauan di dalam kelas ketika guru mengajar mencecah 68% hingga 76% setuju. Manakala sangat setuju pula melebihi dari 10%. Walau bagaimanapun, harus diingat masih ada segelintir dalam kalangan pentadbir yang tidak begitu menghiraukan tentang perkara berkaitan dengan buku kerja murid serta perbincangan tentang pencapaian akademik mata pelajaran ini. Perkara ini boleh dilihat pada item 7 dan item 9. Ini mungkin disebabkan subjek ini tidak terdapat dalam peperiksaan awam sekolah rendah iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Bagi item 10 dan 11 yang melibatkan rekod pengajaran guru dan berkaitan dengan penilaian prestasi terdapat 2 orang responden (3%) sangat tidak setuju dengan 8% lagi menyatakan bahawa pentadbir tidak memberi penilaian yang seadilnya. Namun begitu, jumlah peratus yang setuju dan sangat setuju masih tinggi dengan mencecah 68% setuju dan 16% sangat setuju.

Kesimpulannya, masih ada dalam kalangan pihak pengurusan sekolah tidak mahu mengambil peduli tentang subjek Pendidikan Islam. Ini dibuktikan hasil penemuan pada item 5 dan item 6 dalam soal selidik mengenai perbincangan mata pelajaran ini dalam mesyuarat panitia atau mesyuarat peningkatan akademik. Justeru, perkara ini perlu diberi perhatian oleh pihak berwajib agar emosi dan mentaliti guru-guru Pendidikan Islam dapat dikawal dan mereka tidak terasa terpinggir oleh pengurusan sekolah.

### ***Persepsi guru Pendidikan Islam terhadap kemudahan prasarana infrastruktur Pendidikan Islam***

Tinjauan juga turut dilakukan terhadap kemudahan infrastruktur dan bahan di sekolah SJKC. Bagi melihat objektif yang berkaitan infrastruktur sekolah ini, maka 9 item soal selidik telah disediakan bagi mendapat maklum balas yang jelas.

Berdasarkan Jadual 2, terdapat 32% sangat setuju berkaitan item 1, iaitu infrastruktur sekolah yang cukup sempurna dan sangat memuaskan. Manakala 40% lagi setuju berkenaan soalan ini. Kontra jawapan item 1 boleh dilihat pada jawapan item 2. Seramai 15 responden (20%) menyatakan pentadbir sekolah tidak menyediakan bilik-bilik khas seperti surau dan tempat wudhuk khas untuk murid beragama Islam. Hanya 18% setuju dan sangat setuju mengenai persoalan ini. Jawapan yang agak sederhana boleh dilihat pada item 3 mengenai makmal komputer dan kelengkapannya; 42% kurang setuju mengenai persoalan ini. Manakala 9 orang responden (12%) sangat tidak setuju mengenai persoalan makmal serta kelengkapan dalam bilik multimedia.

Maklum balas dari kajian infrastruktur juga boleh dilihat mengenai kemudahan peralatan elektronik dan peralatan komputer. Jawapan yang diterima boleh dilihat pada item 4 dan item 5. Jika kita gabungkan respon setuju dan sangat setuju, peratusannya mencecah 78% pada item 4 dan 60% pada item 5. Walaupun agak sedikit yang tidak setuju dengan persoalan ini, namun kesannya pada pelajar yang belajar mata pelajaran ini boleh merugikan. Infrastruktur pada item 6 dan item 7 pula saling berkait rapat ke arah kesempurnaan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Bilik PdP dan bilik BBM adalah saling berkait rapat. Walaupun kedua-dua persoalan ini dijawab oleh responden mencapai 44% setuju dan 28% sangat setuju dengan item 6, manakala 60% setuju dan 16% sangat setuju dengan item 7. Apa yang menyedihkan, masih terdapat sekolah yang gagal memberi komitmen dengan pencapaian kurang setuju mencecah 12% dan tidak setuju mencecah 16% pada item 6. Manakala bagi item 7 pula, 20% kurang setuju dan 4% tidak setuju.

Malaysia yang sedang giat mengorak langkah ke arah pembelajaran abad 21, boleh mencapai matlamat tersebut apabila dilihat pada item 8 dan item 9 yang berkaitan dengan kemudahan Internet serta perisian PdP. Kemudahan Internet pada item 8 mencapai 64% setuju dan 32% sangat setuju dengan jumlah keduanya mencapai 96%. Ini satu pencapaian yang sangat membanggakan. Begitu juga dengan bahan PdP berasaskan perkomputeran atau software dikemaskini dengan baik, yang mana 72% setuju dan 24% lagi sangat setuju. Jumlah keduanya juga mencapai 96%. Ini satu pencapaian yang sangat cemerlang bagi pengurusan infrastruktur di SJKC Daerah Kota Setar ini.

Kesimpulannya, kemudahan infrastruktur dan bahan berkaitan mata pelajaran Pendidikan Islam dapat disediakan dengan baik dan sempurna. Namun begitu, persediaan bilik-bilik khas seperti surau dan kemudahan makmal komputer masih tidak diberi perhatian oleh pihak pengurusan sekolah. Bukti penemuan adalah pada item 2 dan item 3 yang mana peratus penemuan soal selidik mencecah 32%. Oleh itu, pihak pentadbir perlu

mengambil beberapa inisiatif untuk memenuhi keperluan infrastruktur ini agar proses PdP dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan sempurna.

Jadual 2

*Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Kemudahan Prasarana Infrastruktur Pendidikan Islam*

BIL.	SOALAN	STS	TS	KS	S	SS	JUM
B1	Infrastruktur sekolah cukup sempurna dan sangat memuaskan	0 (0%)	9 (12%)	12 (16%)	30 (40%)	24 (32%)	75 (100%)
B2	Bilik-bilik Khas seperti surau dan tempat wudhuk disediakan dengan lengkap	15 (20%)	6 (8%)	18 (24%)	18 (24%)	18 (20%)	75 (100%)
B3	Makmal komputer atau bilik multimedia disediakan dengan lengkap dan sempurna	9 (12%)	3 (4%)	9 (12%)	42 (56%)	12 (16%)	75 (100%)
B4	Kemudahan alat-alat media elektronik seperti televisyen dan perakam suara disediakan dengan sempurna	3 (4%)	3 (4%)	18 (24%)	39 (52%)	12 (16%)	75 (100%)
B5	Alatan computer dan LCD dilengkapi dengan baik dan mudah digunakan	0 (0%)	9 (12%)	21 (28%)	30 (40%)	15 (20%)	75 (100%)
B6	Bilik PdP yang sedia ada cukup sempurna dan selesa digunakan untuk pengajaran	0 (0%)	12 (16%)	9 (12%)	33 (44%)	21 (28%)	75 (100%)
B7	Bilik Bahan Bantu Mengajar (BBM) atau tempat simpanan alat bantuan guru disediakan dengan baik	0 (0%)	3 (4%)	15 (20%)	45 (60%)	12 (16%)	75 (100%)
B8	Kemudahan internet seperti YES atau Bestari net dapat diakses dengan baik dan lancar	0 (0%)	0 (0%)	3 (4%)	48 (64%)	24 (32%)	75 (100%)
B9	Bahan Pengajaran dan Pembelajaran seperti CD dan software disediakan dan dikemaskini dengan baik	3 (4%)	0 (0%)	0 (0%)	54 (72%)	18 (24%)	75 (100%)

***Persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pengurusan tertinggi di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jemaah Nazir dan Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah berkaitan pelaksanaan pendidikan Agama Islam di SJKC***

Bagi merealisasikan hasrat dan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), maka kerajaan telah menggalakkan kita agar bekerja secara berpasukan. Oleh itu, kajian ini juga melihat pada faktor perhatian Jemaah Nazir, Sektor Pendidikan Islam dan Pejabat Pendidikan Daerah. Dalam hal ini, 10 item telah digariskan untuk disoal selidik.

Merujuk Jadual 3, persoalan pada item 1 dan item 2 telah menjelaskan tentang hubungan pihak sekolah khususnya guru-guru Pendidikan Agama Islam dengan pihak pentadbiran atasan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah. Item 1: iaitu sering dilawati oleh pihak berkenaan, 5 orang responden (7%) sangat tidak setuju berkenaan fakta yang mengatakan pihak berkenaan sering melawati sekolah berkenaan. Malah masing-masing 28% tidak setuju dan 32% lagi kurang bersetuju dengan situasi ini.

Begitu juga dengan item ke-2: iaitu sentiasa dihubungi oleh pihak berkenaan. Peratusannya mencecah 32% kurang setuju dan 24% lagi tidak bersetuju. Malah terdapat 4%, memilih sangat tidak setuju dengan hubungan yang dinyatakan pada item ini.

Seterusnya, kajian melihat pada pemantauan sukatan PdP yang dinyatakan pada item 3. Sebanyak 4% menyatakan tidak setuju dan 1% mengatakan sangat tidak setuju dengan pentadbiran pejabat yang mengambil berat mengenai sukatan pelajaran. Selain itu, seramai 5 responden atau 7% menyatakan kurang setuju dengan pernyataan ini. Bagi memastikan keberkesanan lebih mendalam lagi, maka item yang berkaitan dengan bekalan buku teks, buku rujukan dan buku latihan turut ditimbulkan dalam kajian ini. Walaupun peratusan sangat setuju dan setuju mencecah sehingga 72%, namun harus dilihat juga pada maklum balas kurang setuju pada item 4 dan item 5. Item 4: iaitu membekal buku-buku rujukan dengan mencukupi, sebanyak 11% kurang setuju. Manakala item 5: iaitu membantu guru jika kekurangan buku teks, buku kerja atau buku latihan, 27% turut berpendapat sedemikian. Kesannya, perhatian kepada pencapaian murid turut terjejas. Ini dapat dilihat pada item 6: iaitu memberi perhatian terhadap pencapaian murid di sekolah.

Jadual 3

*Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Pengurusan Tertinggi di PPD, Jemaah Nazir dan Sektor Pendidikan Islam, JPN Kedah Berkaitan Pelaksanaan Pendidikan Agama Islam di SJKC*

BIL.	SOALAN	1	2	3	4	5	JUM
C1	Sering dilawati oleh pihak berkenaan sepanjang saya mengajar di sekolah tersebut	5 (6.7%)	21 (28%)	24 (32%)	19 (25%)	6 (8%)	75 (100%)
C2	Sentiasa dihubungi oleh mana-mana pihak berkenaan mengenai urusan kerja atau PdP	3 (4%)	22 (29%)	24 (32%)	20 (27%)	6 (8%)	75 (100)
C3	Sentiasa memastikan guru di SJKC mengajar mengikut sukatan terkini dan betul	1 (1.3%)	3 (4%)	5 (6.7%)	45 (60%)	21 (28%)	75 (100)
C4	Membekalkan buku-buku rujukan dengan mencukupi	3 (4%)	4 (5.3%)	8 (11%)	54 (72%)	6 (8%)	75 (100)
C5	Membantu guru jika kekurangan buku teks, buku kerja atau buku latihan	3 (4%)	3 (4%)	20 (27%)	42 (56%)	7 (9.3%)	75 (100)
C6	Memberi perhatian terhadap pencapaian murid di sekolah berkenaan	0 (0%)	6 (8%)	18 (24%)	42 (56%)	9 (12%)	75 (100)
C7	Mengadakan 'dialog prestasi' mengenai pencapaian dan penguasaan murid dalam PAI	3 (4%)	6 (8%)	22 (29%)	44 (59%)	0 (0%)	75 (100)
C8	Sentiasa memberi kerjasama / atau perhatian tentang kebajikan guru agama di sekolah berkenaan	0 (0%)	3 (4%)	12 (16%)	54 (72%)	6 (8%)	75 (100)
C9	Membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa mengikut kehendak KPM	0 (0%)	3 (4%)	6 (8%)	56 (75%)	10 (13%)	75 (100)

Lapan peratus tidak setuju dengan pernyataan ini, dan 18 responden (24%) kurang setuju dengan perhatian yang diberikan oleh pihak Sektor Pendidikan di Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah. Namun, angka tertinggi masih setuju dengan pencapaian sebanyak 56% dan sangat setuju sebanyak 12%. Sedikit penawar jika dilihat pada item 7 dan 8 yang berkaitan dengan 'dialog prestasi' serta kebajikan guru. Peratusan dalam dialog prestasi agak sederhana dengan 59% setuju dengan tindakan JPN dan PPD. Malah kebajikan guru agama sentiasa diberi perhatian dengan peratus setuju mencecah 72% dan 8% lagi sangat setuju. Walaupun peratus penambahbaikan menunjukkan 8% kurang bersetuju, namun 56 responden dengan pencapaian 75% bersetuju di atas kerjasama

yang diberikan oleh pihak atasan. Sepuluh responden dengan pencapaian 13% menyatakan sangat setuju di atas penambahbaikan yang dibuat di SJKC di daerah Kota Setar ini. Pencapaian ini menunjukkan perkembangan yang agak positif kepada pihak pengurusan. Kesimpulannya, pihak bertanggungjawab harus memberi perhatian yang serius kepada murid-murid Islam yang belajar di SJKC. Mereka ini tidak harus dipinggirkan. Bukti penemuan pada item 1 iaitu sering dilawati oleh pegawai atasan SPi dan PPD, 5 responden (7%) sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Manakala 21 responden (28%) tidak setuju. Malah mereka juga perlu diberi perhatian seperti murid-murid di Sekolah Kebangsaan yang menerima pelbagai cara dan tunjuk ajar yang cukup sempurna di waktu persekolahan.

## PENUTUP

Sebagai rumusan keseluruhan hasil dapatan yang diperolehi, didapati hubungan dan keakraban guru Pendidikan Islam dengan pihak pengurusan dan pentadbir sekolah berada pada situasi yang amat baik. Maklum balas responden pada item-item yang dikemukakan mencapai peratusan yang tinggi dan memuaskan. Begitu juga kepada persiapan dan sokongan yang berkaitan dengan alatan kelengkapan PdP dan kelas pengajaran.

Sehubungan dengan itu, pihak yang terlibat sewajarnya mengambil kira beberapa aspek yang berkaitan dengan penambahbaikan infrastruktur dan prasarana sekolah. Malah pengiktirafan juga perlu diberikan kepada guru-guru Pendidikan Islam yang sentiasa memberi komitmen kepada kerja di sekolah tanpa mengira waktu. Ini adalah kerana kecemerlangan sekolah dan pencapaian murid di dalam bilik darjah memerlukan komitmen yang sangat tinggi dengan tindakan yang ikhlas kerana Allah S.W.T. Dengan ini pencapaian yang diperolehi akan diberkati serta mendapat keredhaan Allah Azzawajalla.

Sebagai lanjutan kajian, dicadangkan kajian yang memfokuskan kepada aspek amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di SJKC turut perlu dijalankan. Begitu juga dicadangkan kajian berkaitan gaya pembelajaran pelajar juga perlu dijalankan.

## BIBLIOGRAFI

- Ahmad Kilani Mohamed. (2003). *Pengurusan Pendidikan di Sekolah, Huraian Menurut Perspektif Islam*. Skudai, Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015, Februari 4). *Pelaksanaan Norma Baharu Guru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)*. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2, 04 Februari 2015.
- Blandford, Sonia. (1999). *Pengurusan Sumber di Sekolah, Strategi Berkesan dan Praktikal Untuk Sekolah Yang Menguruskan Hal-Ehwalnya Sendiri*. (Diterjemah oleh: Zaharah Mohd Salleh). Kuala Lumpur: Pustaka Yamein.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2015*. Putrajaya, Malaysia: Penulis.
- Pejabat Pendidikan Daerah Kota Setar. (2003). *Pelaksanaan Kurikulum Semakan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab*. Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2003, 28 Julai 2003)
- Pejabat Pendidikan Daerah Kota Setar. (2013). *Etika dan disiplin guru Pendidikan Islam*. Pekeliling Ikhtisas, 2013).
- Pejabat Pendidikan Daerah Kota Setar. (2014). *Data Pencapaian Akademik Oktober 2014*. Unit Akademik, PPDKS.
- Sufean Hussin. (2004). *Dasar pembangunan pendidikan Malaysia: Teori dan analisis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.